# ETIKA PENJAWAT AWAM DI MEDIA SOSIAL

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Surat KPPA, Tarikh 7 Jun 2013:
Tanggungjawab Pegawai Awam dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial di Internet

**Patuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993]** sebelum membuat pernyataan awam melalui media sosial;

**Tidak** menggunakan media sosial **bagi tujuan peribadi pada waktu pejabat:**

**Tidak mendedahkan maklumat rasmi** dalam media sosial;

**Tidak** membuat komen mengenai isu-isu berbentuk **serangan peribadi atau agensi;**

**Semak ketepatan dan sensitiviti maklumat** sebelum dihantar; dan

**Pastikan** perkongsian/penggunaan maklumat berkaitan hak cipta dan harta intelek telah mendapat kebenaran **pemilik hak cipta/harta intelek.**



Kementerian Pendidikan Malaysia

MESEJ INTEGRITI BIL. 5/2021
DITERBITKAN OLEH:
UNIT INTEGRITI, KPM, ARAS 12,
BLOK E12, KOMPLEKS E, 62604,
PUTRAJAYA. TEL: 03-88847924
EMEL: ADUAN.INTEGRITI@MOE.GOV.MY






**Guru boleh memanfaatkan penggunaan media sosial secara positif untuk tujuan:**

**i.** meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bagi menambah baik kualiti sistem pendidikan;

**ii.** membolehkan warga pendidik berkomunikasi secara pantas tanpa sempadan dengan pemegang taruh untuk memastikan keputusan serta tindakan dapat dilaksanakan dengan segera; dan

**iii.** menghubungkan guru dengan kumpulan sasaran secara meluas daripada pelbagai latar belakang sama ada yang berada di dalam atau di luar negara bagi meningkatkan sistem penyampaian pendidikan

**Sekiranya terdapat kesilapan pada sebarang maklumat yang telah dihebahkan, hendaklah sebaik-baiknya mengakui pada umum, membuat pembetulan dan memohon maaf kepada pihak yang berkaitan secara terus dalam laman sosial yang terlibat.**




Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3 Tahun 2017
"Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial bagi Guru dan Murid".

WWW.MOE.GOV.MY